

FAKTOR-FAKTOR PSIKOLOGI YANG MEMPENGARUHI TINGKAHLAKU SUKARELAWAN BERKESAN

(Psychological Factors Influencing Effective Volunteer Behaviour)

Aizan Sofia Amin, Fatimah wati Halim, Noordeyana Tambi, Norhayati Ibrahim & Sariyah Abdullah

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti faktor-faktor psikologi yang mempengaruhi tingkah laku motivasi sukarelawan berkesan dalam Temasya Kuala Lumpur 2017 yang diadakan di Kuala Lumpur, Malaysia. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan kaedah tinjauan secara atas talian. Satu set alat ujian psikometrik 40 item yang terdiri daripada tiga instrumen iaitu Soal Selidik Personaliti, Soal Selidik Motivasi Pencapaian dan Soal Selidik Tingkahlaku Sukarelawan Berkesan telah ditadbir ke atas peserta kajian. Analisis data menggunakan kaedah deskriptif dan korelasi dengan bantuan perisian komputer iaitu 'Statistical Package for the Social Science for Windows' (SPSS for Windows). Kajian mendapati majoriti sukarelawan yang terlibat dengan Temasya Kuala Lumpur 2017 adalah perempuan, generasi Z yang berusia di antara 16 hingga 25 tahun serta berasal daripada zon Malaysia Tengah. Kajian juga menunjukkan untuk menjadi sukarelawan yang berkesan, seseorang individu perlu mempunyai faktor Personaliti Keterbukaan, Kehematan dan Kepersetujuan yang tinggi dan tahap Neurotisme yang rendah. Selain itu, faktor Motivasi Penyempurnaan, Motivasi Status dan Motivasi Perhubungan juga penting bagi sukarelawan dalam melaksanakan tugas mereka secara berkesan. Walaubagaimanapun, apabila kedua-dua faktor psikologi Personaliti dan Motivasi Pencapaian digabungkan, kajian menunjukkan bahawa tidak semua dimensi Personaliti dan Motivasi Pencapaian mempengaruhi tingkahlaku sukarelawan yang berkesan secara langsung. Implikasi kajian ini mencadangkan supaya langkah bersesuaian perlu diambil untuk menarik minat lebih ramai sukarelawan dalam kalangan lelaki dan memperkasakan potensi mahasiswa sebagai sukarelawan berkesan. Selain itu, dimensi-dimensi Personaliti dan Motivasi Pencapaian yang berkaitan boleh digunakan oleh pihak-pihak yang terlibat dalam melakukan pemilihan sukarelawan berkesan untuk aktiviti sukarela mereka.

Kata Kunci: Faktor Psikologi, Motivasi, Tingkah Laku, Sukarelawan, Berkesan

ABSTRACT

This research was conducted to identify psychological factors influencing effective volunteer behaviour in the Kuala Lumpur 2017 Games that was held in Kuala Lumpur, Malaysia. The research employed quantitative study with online survey method. A psychometric test with 40 items was administered on the research participants consisting of three instruments namely Personality Questionnaire, Achievement Motivation Questionnaire and Effective Volunteer Behaviour Questionnaire. The data were analysed using descriptive and correlational statistics with a computer assisted software - 'Statistical Package for the Social Science for Windows' (SPSS for Windows). The majority of volunteers participated in the Kuala Lumpur 2017 Games were females, Z generation aged between 16 to 25 years old and

coming from Central Malaysia zone. The findings also examined that to be effective volunteers, the individuals should acquire high level of Openness, Conscientiousness and Agreeableness personality traits and low level of Neuroticism. Besides, Motivation of Improvement, Motivation of Status and Motivation of Relationships are also important to complete their tasks effectively. Nevertheless, when both the psychological factors of Personality and Achievement Motivation were combined, not all dimensions have direct influence towards effective volunteer behaviours. The study suggests that appropriate measures should be taken to encourage more participation amongst male to be volunteers and to empower the potential of university students as effective volunteers. In addition, the relevant dimensions of Personality and Achievement Motivation could be employed by interested parties in selecting effective volunteers for their volunteerism activities.

Keywords: psychological factor, motivation, behaviour, volunteer, effective

PENGENALAN

Sukarelawan adalah individu yang melakukan suatu pekerjaan tanpa bayaran (Shweiki & Mauck, 1993). Sukarelawan selalunya melibatkan diri dengan kerja-kerja amal tanpa mengharapkan sebarang insentif atau ganjaran (Kemp, 2002; Finkelstein et al., 2007). Sukarelawan juga boleh didefinisikan sebagai individu yang meluangkan masa lapang mereka dengan memberi perkhidmatan kepada orang lain tanpa mengharapkan balasan berbentuk ganjaran daripada pihak atau organisasi yang terlibat (Cnaan et al., 1996). Kesukarelawanan pula adalah kegiatan yang dilakukan secara sukarela iaitu dengan ikhlas, rela hati, tanpa paksaan daripada mana-mana pihak, tidak mengharapkan ganjaran material dan memberi manfaat kepada golongan sasaran yang memerlukan (Azizan Bahari, 2006). Individu yang gemar melakukan kerja sukarela dikatakan mempunyai tahap keperibadian diri yang lebih baik berbanding individu yang tidak pernah terlibat dengan aktiviti kesukarelawanan (Mellor et al., 2009).

Aktiviti kesukarelawanan boleh dilakukan dalam pelbagai bentuk sama ada ia boleh dilakukan melalui sumbangan berbentuk bukan material seperti masa, buah fikiran atau idea, ilmu pengetahuan, kebolehan, kemahiran atau kepakaran, tenaga fizikal dan pengalaman. Kerja sukarela juga boleh disumbangkan dalam bentuk material seperti barangan, kewangan dan juga asset (Azizan Bahari, 2006). Dalam konteks sukarelawan acara sukan, sumbangan berbentuk bukan material lebih diperlukan untuk membantu penganjur acara sukan yang dipertandingkan seperti dalam penganjuran Temasya Kuala Lumpur 2017 (Sukan SEA dan Para ASEAN) baru-baru ini di Malaysia.

Sebelum Temasya Kuala Lumpur 2017 berlangsung, seramai lebih kurang 15,000 sukarelawan telah diberikan latihan umum dan khusus oleh Kementerian Belia dan Sukan Malaysia dengan kerjasama Universiti Kebangsaan Malaysia. Penglibatan sejumlah besar sukarelawan dalam penganjuran acara sukan negara ini menunjukkan aktiviti sukarela di Malaysia semakin berkembang dan mendapat sambutan dalam masyarakat khususnya golongan belia. Kajian yang dijalankan oleh Turiman et al., (2011) mendapati 76.4 responden iaitu golongan belia menyatakan bahawa mereka sedang terlibat dengan aktiviti sukarela. Perkembangan positif ini mungkin didorong oleh perkembangan aktiviti sukarelawan dalam kalangan pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Sebagai contoh, Kementerian Pengajian

Tinggi (KPT) telah menubuhkan Majlis Kesukarelawanan Universiti-Universiti Malaysia (MASKUM) pada tahun 2007 yang bertindak sebagai perancang, pembimbing dan pendorong kepada pelajar IPT untuk terlibat dengan aktiviti kesukarelawanan. Kajian menunjukkan penglibatan mahasiswa dalam program kesukarelawanan mampu memupuk sikap bertanggungjawab mahasiswa terhadap isu-isu sosial masyarakat (Kendall & Associates, 1990) dan meningkatkan keyakinan diri, disiplin dan nilai sosial mereka (Mabry 1998; Haski-Leventhal et al., 2008). Kajian yang dijalankan oleh Fauziah, Aizan Sofia dan Tharshini (2015) juga menunjukkan majoriti mahasiswa (89%) yang terlibat dalam kajian tersebut pernah terlibat dalam aktiviti kesukarelawanan dan mengakui berasa seronok dalam penglibatan mereka sebagai sukarelawan.

Individu yang terlibat dengan aktiviti sukarela sejak awal usia dikatakan mempunyai sikap lebih terbuka untuk membantu orang lain apabila melangkah ke usia dewasa (Musick & Wilson, 2008). Penglibatan mahasiswa dengan aktiviti kesukarelawanan pula mempunyai hubungan dengan faktor jantina menurut Ekerdt (1986). Kajian beliau mendapati majoriti lelaki walaupun selepas berkahwin masih lagi gemar melakukan aktiviti sukarela. Manakala wanita pula didapati kurang aktif dalam kerja sukarelawan selepas berumahtangga kerana mempunyai tanggungjawab lebih besar untuk mendidik dan menjaga anak. Walaubagaimanapun, kajian oleh Knauff (1992) menunjukkan trend yang berbeza apabila wanita dilihat lebih positif untuk melibatkan diri dengan kerja kesukarelawanan dan kemasyarakatan berbanding lelaki. Wanita dikatakan mempunyai lebih sifat prihatin akan isu-isu kebajikan dan kemasyarakatan berbanding lelaki.

Sukarelawan secara dasarnya terlibat dengan aktiviti sukarela tanpa mengharapkan sebarang ganjaran. Apakah faktor yang mendorong keterlibatan seseorang individu untuk melakukan kerja sukarela? Nichols dan King (1999) mendapati kebanyakan individu yang melibatkan diri dalam kerja sukarela didorong oleh keinginan yang tinggi untuk membantu masyarakat. Dalam konsep psikologi keinginan yang tinggi untuk membantu orang lain tanpa mengharapkan sebarang ganjaran merujuk kepada istilah altruisme. Altruisme didefinisikan sebagai tingkahlaku sukarela yang bermotivasi untuk memberi manfaat kepada orang lain dan tingkahlaku ini bukan didorong oleh jangkauan untuk mendapat ganjaran luaran atau mengelak daripada hukuman atau ransangan yang tidak disukai (Chou, 1996). Altruisme didapati menjadi faktor motivasi utama yang mendorong seseorang untuk terlibat dalam aktiviti sukarela (Carpenter & Myers, 2007). Altruisme juga didapati mempunyai hubungan yang positif dengan kesukarelawanan dalam kalangan belia dan remaja (Burns et al., 2006). Kajian terhadap 240 belia di Petaling Jaya, Selangor juga mendapati altruisme mempunyai hubungan yang positif dengan aktiviti kesukarelawanan dalam kalangan belia yang terlibat (Zaliha & Mohd Ramlan, 2012). Faktor-faktor lain yang mendorong seseorang untuk terlibat dalam aktiviti kesukarelawanan adalah untuk memenuhi matlamat psikologi dan sosial yang berbeza-beza bagi setiap individu seperti sikap keprihatinan terhadap orang lain, mencari pengalaman baru, meningkatkan tahap pengetahuan dan meningkatkan nilai-nilai positif dalam diri seseorang (Clary, Snyder & Stukas, 1996; Hutchison, 2003).

Kajian ini membincangkan tentang faktor-faktor psikologi yang mempengaruhi tingkahlaku sukarelawan berkesan iaitu faktor Personaliti dan Motivasi Pencapaian. Personaliti adalah suatu sistem psikologikal yang sangat dinamik dalam mengawal mental dan tingkahlaku seseorang individu. Faktor psikologi Personaliti sukarelawan berkesan dalam kajian ini boleh dijelaskan melalui model personaliti lima faktor (FFM). Lima ciri-ciri

personaliti tersebut adalah keterbukaan (*Openness-O*), kehematan (*Conscientiousness-C*) ekstroversi (*Extraversion-E*), kepersetujuan (*Agreeableness-A*) dan neurotisisme (*Neuroticism-N-ve*), akronimnya ialah OCEAN. Manakala faktor motivasi sukarelawan berkesan dalam artikel ini merupakan adaptasi model tingkahlaku kewargaan organisasi atau dikenali dengan akronim TKO oleh Organ (1988) dan Podsakoff et al. (1990). Namun begitu, TKO dalam kajian ini merujuk kepada Tingkahlaku Sukarelawan Berkesan. TKO adalah istilah psikologi yang digunakan untuk menerangkan tindakan tingkahlaku secara sukarela seseorang individu yang dilakukan dalam sesebuah organisasi. Dalam konteks kajian ini, TKO bermaksud komitmen yang diberikan oleh seseorang individu secara sukarela dalam membantu organisasi dan rakan sepasukan bagi menjayakan tugas sebagai sukarelawan. Lazimnya, mereka tidak mengharapkan pengiktirafan atau pampasan (ganjaran) di atas curahan tenaga yang diberikan. Seseorang sukarelawan yang memiliki ciri-ciri TKO yang tinggi dalam diri mereka dapat membantu organisasi meningkatkan produktiviti, kecekapan dan kepuasan kepada pelanggan dan sekaligus menurunkan kos, *turnover* dan *absenteeism* (Podsakoff, Whiting, Podsakoff & Blume 2009).

Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti latar belakang sukarelawan Temasya Kuala Lumpur 2017 yang merangkumi dua acara sukan iaitu Sukan SEA ke-29 dan Sukan Para ASEAN ke-9 yang berlangsung pada bulan Ogos dan September 2017 di Malaysia. Kajian ini juga bertujuan untuk melihat adakah terdapat hubungan di antara faktor psikologi Personaliti dan Motivasi Pencapaian dengan tingkah laku sukarelawan berkesan, serta apakah pengaruh faktor psikologi Personaliti dan Motivasi Pencapaian terhadap tingkahlaku sukarelawan yang berkesan.

METOD KAJIAN

Metodologi kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan kaedah tinjauan atas talian. Data kajian telah dianalisis dengan menggunakan analisis deskriptif dan korelasi dengan bantuan perisian komputer iaitu '*Statistical Package for the Social Science for Windows*' (*SPSS for Windows*). Kajian ini menggunakan satu set alat ujian psikometrik 40 item yang terdiri daripada tiga instrumen iaitu Soal Selidik Personaliti (P), Soal Selidik Motivasi Pencapaian (MP) dan Soal Selidik Tingkahlaku Sukarelawan Berkesan (TKO) seperti perincian berikut:

1. Soal Selidik Personaliti (P)

Diadaptasi daripada Lussier dan Achua (2013). Soal selidik ini mengukur lima faktor personaliti iaitu Keterbukaan (*Openness – O*), Kehematan (*Conscientiousness – C*), Ekstraversi (*Extraversion – E*), Kepersetujuan (*Agreeableness – A*) dan Neurotisisme (*Neuroticism – N*) dengan akronim OCEAN. Ia mengandungi 20 item seperti jadual 1 di bawah. Kebolehpercayaan bagi soal selidik ini adalah baik dengan nilai alfa Cronbach bagi lima faktor personaliti yang paling tinggi diwakili faktor kehematan (.829) diikuti oleh faktor neurotisisme negatif (.774), kepersetujuan (.679) dan ekstraversi (.619).

Jadual 1: Dimensi Soal Selidik Personaliti (P)

No	Dimensi	Item	Bilangan Item
1.	Keterbukaan (<i>Openness</i>) - O	9, 14, 15, 20	4
2.	Kehematan (<i>Conscientiousness</i>) - C	4, 8, 13, 19	4
3.	Ekstraversi (<i>Extraversion</i>) - E	1, 5, 10, 16	4
4.	Kepersetujuan (<i>Agreeableness</i>) - A	2,6, 11, 17	4
5.	Neurotisme (<i>Neuroticism</i>) - N	3, 7, 12, 18	4
Jumlah Keseluruhan Item			20

Skala Pemarkatan Soal Selidik Personaliti

Jadual 2 di bawah menunjukkan kaedah pemarkatan bagi soal selidik Personaliti (P) dengan menggunakan skala likert 1 hingga 10. Bagi setiap item skala 1, 2 dan 3 adalah “Tidak Seperti Saya” , skala 4, 5, 6 dan 7 mewakili “Agak Seperti Saya” dan 8, 9, 10 mewakili “Seperti Saya”. Markat yang tinggi menunjukkan kecenderungan menggambarkan diri responden mempunyai jenis tret personaliti tersebut. Sebagai contoh, jika seseorang itu berfikiran terbuka, skor pada dimensi Keterbukaan akan menjadi tinggi. Berdasarkan jumlah tersebut, skor minimum bagi Keterbukaan (O), Kehematan (C), Ekstraversi (E), Kepersetujuan (A) dan Neurotisme (N) adalah sebanyak 4 mata (1 x 4 = 4) dan skor maksimum sebanyak 40 mata (10 x 4 = 40) bagi kelima-lima dimensi.

Jadual 2: Skala Markat bagi dimensi Keterbukaan

Skala	Markah
Tidak Seperti Saya	1, 2, 3
Agak Seperti Saya	4, 5, 6, 7
Seperti Saya	8, 9, 10

2. Soal Selidik Motivasi Pencapaian (MP)

Diadaptasi daripada Alat Psikometrik Pemilihan Kakitangan Akademik (APPiKA) oleh Fatimah wati et al. (2013). Ia mengukur tiga faktor motivasi pencapaian iaitu Motivasi Penyempurnaan, Motivasi Status dan Motivasi Perhubungan. Soal selidik ini mempunyai 10 item dengan menggunakan skala Likert lima mata (sangat tidak setuju (1) kepada sangat setuju (5). Nilai alfa Cronbach bagi faktor motivasi pencapaian paling tinggi adalah Tanggungjawab Sosial (.716), diikuti oleh Status (.680) dan Penyempurnaan (.680). Jadual 3 di bawah menunjukkan dimensi-dimensi yang terdapat dalam Soal Selidik MP.

Jadual 3: Dimensi Soal Selidik Motivasi Pencapaian (MP)

No	Dimensi	Item	Bilangan Item
1.	Motivasi Penyempurnaan (MA)	21, 22, 23, 27	4
2.	Motivasi Status (MS)	24, 25, 26	3
3.	Motivasi Perhubungan (MP)	28, 29, 30	3
Jumlah Keseluruhan Item			10

Skala Pemarkatan Soal Selidik Motivasi Pencapaian

Jadual 4 di bawah menunjukkan kaedah pemarkatan bagi Motivasi Pencapaian dengan menggunakan skala likert 1 hingga 5. Bagi setiap skala Sangat Tidak Setuju (STS) mewakili markah 1, skala Tidak Setuju (TS) mewakili markah 2, skala Tidak Pasti (TP) mewakili markah 3, skala Setuju (S) mewakili markah 4 dan Skala Sangat Setuju (SS) mewakili markah 5. Skor minimum bagi Motivasi Pencapaian adalah sebanyak 10 mata menerusi pengiraan ($1 \times 10 = 10$) manakala skor maksimum adalah sebanyak 50 ($5 \times 10 = 50$). Berdasarkan jumlah tersebut, skor minimum bagi Motivasi Penyempurnaan (MA) adalah sebanyak 4 mata ($1 \times 4 = 4$) dan skor maksimum sebanyak 20 mata ($5 \times 4 = 20$), bagi Motivasi Status (MS) adalah sebanyak 3 mata ($1 \times 3 = 3$) dan skor maksimum sebanyak 15 mata ($5 \times 3 = 15$) dan Motivasi Perhubungan (MP) adalah sebanyak 3 mata ($1 \times 3 = 3$) dan skor maksimum sebanyak 15 mata ($5 \times 3 = 15$).

Jadual 4: Skala pemarkatan bagi Motivasi Pencapaian

Skala	Markah
Sangat Tidak Setuju (STS)	1
Tidak Setuju (TS)	2
Tidak Pasti (TP)	3
Setuju (S)	4
Sangat Setuju (SS)	5

3. Soal Selidik Tingkah Laku Sukarelawan Berkesan (TKO)

Diadaptasi dari soal selidik tingkahlaku kewargaan organisasi oleh Podsakoff et al. (1990). Ia mengandungi 10 item yang mengukur Alturisme, Kesantunan dan Kehematan seperti jadual 5 di bawah. Nilai alfa Cronbach bagi Alturisme adalah (.749) dan Sesantunan (.716). Secara keseluruhan kebolehpercayaan bagi soal selidik ini adalah baik kecuali faktor berhemah iaitu (.193) yang terpaksa dibuang kerana nilainya terlalu

rendah. Jadual 5 di bawah menunjukkan dimensi-dimensi yang terdapat dalam soal selidik TKO.

Jadual 5: Soal Selidik Tingkah Laku Sukarelawan Berkesan (TKO)

No	Dimensi	Item	Bilangan Item
1.	Alturalism	33, 34, 36, 38, 40	5
2.	Kesantunan	32, 35, 37	3
3.	Kehematan	31, 39	2
Jumlah Keseluruhan Item			10

Skala Pemarkatan Soal Selidik Tingkahlaku Sukarelawan Berkesan

Jadual 6 di bawah menunjukkan kaedah pemarkatan bagi bahagian Tingkah Laku Sukarelawan Berkesan dengan menggunakan skala likert 1 hingga 5. Bagi setiap skala Sangat Tidak Setuju (STS) mewakili markah 1, skala Tidak Setuju (TS) mewakili markah 2, skala Tidak Pasti (TP) mewakili markah 3, skala Setuju (S) mewakili markah 4 dan Skala Sangat Setuju (SS) mewakili markah 5. Skor minimum bagi Tingkah Laku Kewargaan Organisasi adalah sebanyak 10 mata menerusi pengiraan ($1 \times 10 = 10$) manakala skor maksimum adalah sebanyak 50 ($5 \times 10 = 50$). Berdasarkan jumlah tersebut, skor minimum bagi Altruisme adalah sebanyak 5 mata ($1 \times 5 = 5$) dan skor maksimum sebanyak 25 mata ($5 \times 5 = 25$), bagi Kesantunan adalah sebanyak 3 mata ($1 \times 3 = 3$) dan skor maksimum sebanyak 15 mata ($3 \times 5 = 15$), dan bagi Kehematan skor minimum 2 ($1 \times 2 = 2$) dan skor maksimum sebanyak 10 mata ($2 \times 5 = 10$)

Jadual 6: Skala pemarkatan bagi Tingkahlaku Sukarelawan Berkesan

Skala	Markah
Sangat Tidak Setuju (STS)	1
Tidak Setuju (TS)	2
Tidak Pasti (TP)	3
Setuju (S)	4
Sangat Setuju (SS)	5

Populasi, Sampel dan Lokasi Kajian

Populasi kajian ini merujuk kepada semua individu yang berdaftar dengan Kementerian Belia dan Sukan sebagai sukarelawan Temasya Kuala Lumpur 2017. Responden kajian yang terlibat adalah dalam kalangan sukarelawan Sukan SEA ke-29 dan Sukan Para ASEAN ke-9

yang berumur di antara 16 hingga 52 tahun daripada pelbagai negeri di Malaysia. Seramai 3137 responden telah terlibat dalam kajian kuantitatif ini. Kesemua responden telah menjawab ujian psikometrik 40 item atas talian (secara dalam talian) yang mengandungi tiga soal selidik iaitu Soal Selidik Personaliti (P), Soal Selidik Motivasi Pencapaian (MP) dan Soal Selidik Tingkah Laku Sukarelawan Berkesan (TKO).

Prosedur Kajian

Proses pengumpulan data dijalankan secara atas talian dengan menggunakan satu set ujian psikometrik yang mengandungi 40 item (soalan). Talian bagi ujian psikometrik ini dibangunkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA). Kesemua responden telah menjawab sendiri ujian psikometrik ini secara atas talian dengan menggunakan telefon bimbit ataupun komputer mengikut kesesuaian masa dan tempat di mana mereka berada. Seterusnya, data berbentuk *Excel* diperolehi daripada SPA dengan kebenaran Kementerian Belia dan Sukan (KBS). Data tersebut adalah data para sukarelawan Temasya Kuala Lumpur 2017. Sebelum analisis yang terperinci dibuat, proses “clean data” dilakukan untuk mengenal pasti sama ada data yang diperolehi mengandungi data yang hilang atau tidak lengkap. Secara keseluruhan data responden bagi rekod sepadan adalah seramai 3151 orang. Walaubagaimanapun, 14 orang responden telah dikeluarkan kerana maklumat yang diberikan tidak lengkap menjadikan jumlah keseluruhan data responden yang dianalisis adalah seramai 3137 orang sahaja. Data di dalam Rekod Sepadan kemudian dianalisis secara deskriptif dan korelasi menggunakan *SPSS for Windows* bagi mengenalpasti faktor-faktor psikologi yang mempengaruhi tingkahlaku sukarelawan berkesan.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Profil Responden

Seramai 3137 orang sukarelawan Temasya Kuala Lumpur 2017 yang berdaftar dengan Kementerian Belia dan Sukan telah terlibat dalam kajian ini. Responden kajian berusia di antara 16 hingga 52 tahun dan berasal daripada pelbagai negeri di Malaysia. Berikut merupakan latar belakang responden mengikut jantina, umur dan zon (negeri):

Jadual 7: Latar Belakang Responden Kajian

Profil	Kategori	Bilangan (N)	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	1309	41.7
	Perempuan	1828	58.3

Umur	Generasi X	116	3.7
	Generasi Y	764	24.4
	Generasi Z	2257	71.9
Zon Negeri	Pantai Timur	248	7.9
	Utara	470	15.0
	Selatan	435	13.9
	Tengah	1886	60.1
	Malaysia Timur	98	3.1

Deskripsi taburan responden menunjukkan majoriti responden adalah perempuan iaitu seramai 1828 orang (58.3%), manakala responden lelaki seramai 1309 orang (41.7%) sahaja. Bagi kategori umur pula dapat dikelaskan kepada tiga kumpulan iaitu generasi Z (16 hingga 25 tahun), generasi Y (26 hingga 40 tahun) dan generasi X (41 hingga 52 tahun). Majoriti responden yang terlibat dalam kajian ini adalah dalam kalangan generasi Z iaitu seramai 2257 (71.9%) orang, diikuti oleh generasi Y seramai 764 (24.2%) orang dan generasi X seramai 116 (3.7%) orang sahaja. Taburan responden mengikut negeri pula dibahagikan mengikut lima zon iaitu Pantai Timur (Kelantan, Terengganu dan Pahang), Utara (Kedah, Perlis, Pulau Pinang dan Perak), Selatan (Johor, Negeri Sembilan dan Melaka), Malaysia Tengah (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Putrajaya, dan Selangor) dan Malaysia Timur (Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan). Majoriti responden berasal daripada zon Malaysia Tengah iaitu seramai 1886 (60.1%) orang, diikuti oleh zon Utara seramai 470 (15%) orang, zon Selatan seramai 435 (13.9%) orang, zon Pantai Timur seramai 248 (7.9%) dan zon Malaysia Timur paling sedikit dengan penyertaan seramai 98 (3.1%) orang sahaja.

Analisis deskriptif latar belakang responden kajian jelas menunjukkan bahawa majoriti responden kajian terdiri daripada generasi Z yang berusia di antara 16 hingga 25 tahun dan 58.3% mereka adalah perempuan. Trend ini mungkin disebabkan oleh faktor usia generasi Z yang majoritinya adalah golongan pelajar sekolah menengah, kolej mahupun universiti. Golongan pelajar selalunya mempunyai masa dan ruang untuk melakukan aktiviti sukarelawan kerana tidak terikat dengan komitmen terhadap pekerjaan. Oleh itu, ramai dalam kalangan mereka berpeluang untuk terlibat sebagai sukarelawan Temasya Kuala Lumpur 2017 yang menuntut komitmen masa dan tenaga yang tinggi. Kebanyakan responden pula berasal daripada negeri-negeri di zon Malaysia Tengah berbanding zon Malaysia Timur, zon Utara dan zon Pantai Timur mungkin disebabkan oleh faktor lokasi kerana kebanyakan acara Sukan SEA ke-29 dan Sukan Para ASEAN ke-9 diadakan di sekitar Kuala Lumpur dan Selangor yang memudahkan sukarelawan daripada zon Malaysia Tengah untuk hadir ke lokasi-lokasi acara sukan yang dipertandingkan.

Faktor Personaliti, Motivasi Pencapaian dan Tingkahlaku Sukarelawan Berkesan

Analisis deskriptif iaitu nilai min dan nilai sisihan piawai (S.P) bagi tiga pembolehubah yang diukur iaitu faktor Personaliti (P), Motivasi Pencapaian (MP) dan Tingkahlaku Sukarelawan Berkesan (TKO) diterangkan dalam jadual 8 di bawah. Min bagi faktor Personaliti (P),

adalah di antara 28.96 hingga 33.68 (s.p. 4.383 hingga 5.389), dengan skor minimum dan maksimum di antara 8 hingga 40. Manakala min bagi faktor Motivasi Pencapaian (MP) adalah di antara 13.21 hingga 24.86, (s.p. 1.713 hingga 3.657) dan nilai minimum dan maksimum adalah 7 hingga 30. Faktor Tingkahlaku Sukarelawan Berkesan (TKO) pula menunjukkan min keseluruhan sebanyak 40.08 (s.p. =3.089) dengan skor minimum adalah 28 dan skor maksimum adalah 49. Ringkasan keseluruhan maklumat adalah seperti jadual 8 di bawah.

Jadual 8: Skor bagi faktor Personaliti (OCEAN), Motivasi Pencapaian (MA, MS, MP) dan Tingkah Laku Sukarelawan Berkesan (TKO)

Pemboleh ubah	Min	Sisihan Piawai	Minimum	Maksimum
O (Keterbukaan)	30.39	5.311	8	40
C (Kehematan)	33.96	4.383	11	40
E (Ektraversi)	28.96	5.389	10	40
A (Kepersetujuan)	33.68	4.395	13	40
N (Neurotisme)	31.53	5.078	10	40
MA (Motivasi Penyempurnaan)	17.78	1.884	7	20
MS (Motivasi Status)	13.21	1.691	4	15
MP (Motivasi Perhubungan)	24.86	3.657	4	30
TKO (Tingkah laku Kewargaan)	40.08	3.089	28	49

Kolerasi Faktor Psikologi (Personaliti dan Motivasi Pencapaian) dengan Tingkah Laku Sukarelawan Berkesan (TKO) Dalam Kalangan Sukarelawan

H1: Terdapat hubungan Faktor Psikologi (Personaliti dan Motivasi Pencapaian) dengan Tingkah Laku Sukarelawan Berkesan (TKO) dalam kalangan sukarelawan

Jadual 9: Kolerasi Faktor Psikologi (Personaliti dan Motivasi Pencapaian) Dengan Tingkah Laku Sukarelawan Berkesan (TKO)

Faktor Psikologi	r	Sig.
O	.433**	.000
C	.494**	.000
E	.379**	.000
A	.456**	.000
N	-.444**	.000
MA	.551**	.000
MS	.239**	.000
MP	.425**	.000

Analisis kolerasi Pearson (Jadual 9) dilakukan bagi menguji dimensi faktor psikologi (Personaliti dan Motivasi Pencapaian) dengan Tingkah Laku Sukarelawan Berkesan (TKO) dalam kalangan sukarelawan. Hasil analisis menggunakan pekali Pearson menunjukkan kesemua dimensi faktor Psikologi (Personaliti dan Motivasi Pencapaian) berhubungan secara signifikan dengan faktor Tingkah Laku Sukarelawan Berkesan (TKO). Dimensi Personaliti Keterbukaan (O) dengan nilai $r(3137) = .433$, Personaliti Kehematan (C) dengan nilai $r(3137) = .494$, Personaliti Ekstraversi (E) dengan nilai $r(3137) = .379$, Personaliti Kepersetujuan (A) dengan nilai $r(3137) = .456$ dan Personaliti Neurotisme (-) (N) dengan nilai $r(3137) = -.444$. Jadi ini bermakna H1 diterima yang membawa maksud semakin tinggi Personaliti Keterbukaan (O), Kehematan (C), Ekstraversi (E) dan Kepersetujuan (A) sukarelawan, semakin tinggi tahap motivasi mereka untuk menunjukkan tingkahlaku sebagai sukarelawan yang berkesan. Manakala semakin rendah tahap Neurotisme (N) sukarelawan, semakin tinggi tingkahlaku berkesan mereka.

Bagi faktor Motivasi Pencapaian pula, ketiga-tiga dimensi Motivasi Pencapaian iaitu Motivasi Penyempurnaan (MA), Motivasi Status (MS) dan Motivasi Perhubungan (MP) berhubungan secara signifikan dengan Tingkah Laku Sukarelawan Berkesan (TKO). Nilai $r(3137) = .551$ bagi Motivasi Penyempurnaan (MA), dengan nilai $r(3137) = .239$ untuk Motivasi Status (MS) dan dengan nilai $r(3137) = .425$ untuk Motivasi Perhubungan (MP). Implikasinya, semakin tinggi tahap Motivasi Penyempurnaan, Motivasi Status dan Motivasi Perhubungan sukarelawan, semakin tinggi motivasi mereka untuk menunjukkan tingkahlaku sukarelawan yang berkesan dalam melaksanakan tugas yang diberikan.

Regrasi Faktor Psikologi (Personaliti dan Motivasi Pencapaian) yang Mempengaruhi Tingkah Laku Sukarelawan Berkesan (TKO)

H2: Terdapat pengaruh Faktor Psikologi (Personaliti dan Motivasi Pencapaian) terhadap Tingkah Laku Sukarelawan Berkesan (TKO) dalam kalangan sukarelawan.

Jadual 10: Regrasi Faktor Psikologi (Personaliti dan Motivasi Pencapaian) Terhadap Tingkah Laku Kewargaan Organisasi (TKO) Sukarelawan

Faktor Psikologi	β	T	Sig.
OO	.091	3.390	.001
CC	.161	5.442	.000
EE	.022	.887	.375
AA	.070	2.900	.004
NN	-.080	-2.971	.003
MA	.398	20.415	.000
MS	.006	.339	.735
MP	.003	.100	.921

$R^2 = .415$


Nilai $[F(8, 2248) = 199.533, k < .05]$

Analisis regresi (Jadual 10) dilakukan untuk menjawab pengujian hipotesis iaitu terdapat pengaruh faktor Psikologi (Personaliti dan Motivasi Pencapaian) terhadap Tingkah Laku Sukarelawan Berkesan (TKO). Terdapat 8 dimensi kepada faktor Psikologi iaitu 5 dimensi faktor Personaliti dan 3 dimensi faktor Motivasi Pencapaian. Keputusan analisis regresi metod *enter* menunjukkan bahawa hanya 5 daripada 8 dimensi yang menunjukkan pengaruh yang signifikan terhadap Tingkah Laku Sukarelawan Berkesan (TKO) dengan nilai $[F(8, 3128) = 277.340, k < .05]$ dan sumbangan varians ($R^2 = 0.415$) sebanyak 41.5 peratus.

Lima dimensi tersebut adalah faktor Motivasi Penyempurnaan (MA) ($\beta = .394, k < .05$), faktor Kehematan (C) ($\beta = .175, k < .05$), faktor Kepersetujuan (A) ($\beta = .086, k < .05$), faktor Neurotisme (-ve) (N) ($\beta = .07, k < .05$) dan juga faktor Keterbukaan (O) ($\beta = .066, k < .05$) dan secara bersendirian menunjukkan pengaruh yang signifikan terhadap Tingkah Laku Kewargaan Organisasi (TKO) (rujuk Rajah 1). Sebaliknya, faktor Ekstraversi (E) ($\beta = .023, k > .05$), faktor Motivasi Status (MS) ($\beta = .020, k > .05$) serta faktor Motivasi Perhubungan (MP) ($\beta = -.002, k > .05$) tidak mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap Tingkah Laku Sukarelawan Berkesan (TKO).

Secara kesimpulannya keputusan analisis regresi menunjukkan bahawa hipotesis kajian ini adalah diterima dan Model Regresi yang mengandungi pemboleh ubah faktor Psikologi (Personaliti dan Motivasi Pencapaian) mempengaruhi Tingkah Laku Sukarelawan Berkesan (TKO) boleh diterima. Secara ringkasnya keputusan di atas menafsirkan bahawa sukarelawan yang memiliki faktor personaliti Keterbukaan, Kepersetujuan dan Kehematan yang tinggi dan Neurotisme yang rendah adalah mempengaruhi Tingkah Laku Sukarelawan Berkesan (TKO). Faktor personaliti Ekstraversi tidak mempengaruhi tingkahlaku sukarelawan berkesan. Manakala Faktor Motivasi Pencapaian Penyempurnaan (MA) sahaja menunjukkan pengaruh terhadap tingkah laku sukarelawan berkesan (TKO) berbanding faktor Motivasi Status dan Motivasi Perhubungan seperti dalam Rajah 1.

Rajah 1. Model Regrasi Faktor Psikologi (Personaliti & Motivasi Pencapaian) yang Mempengaruhi Tingkah Laku Sukarelawan Berkesan (TKO)



KESIMPULAN DAN CADANGAN

Kajian ini telah menghuraikan ciri-ciri latar belakang responden iaitu sukarelawan Temasya Kuala Lumpur 2017 yang majoritinya adalah perempuan (Knauff, 1992) dan merupakan generasi Z yang berusia di antara 16 hingga 25 tahun. Dapatan kajian ini selari dengan kajian-kajian sebelum ini yang menunjukkan golongan belia seperti mahasiswa mempunyai kecenderungan untuk terlibat dengan aktiviti kesukarelawanan (Fauziah, Aizan Sofia & Tharshini, 2015; Haski-Leventhal et al., 2008; Kendall & Associates, 1990; Mabry 1998). Dapatan kajian ini mencadangkan supaya perhatian dan langkah sewajarnya perlu diberikan oleh pihak-pihak yang terlibat untuk menarik minat lebih ramai lelaki menyertai aktiviti sukarela. Golongan mahasiswa juga mempunyai potensi yang tinggi untuk terlibat dalam kerja sukarela dan mereka perlu sentiasa didorong supaya minat mereka dalam aktiviti kesukarelawanan dapat terus dilestarikan. Kajian ini juga melihat hubungan di antara faktor-faktor psikologi Personaliti dan Motivasi Pencapaian dengan tingkahlaku sukarelawan yang berkesan. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa untuk menjadi sukarelawan yang berkesan seseorang individu perlu mempunyai Personaliti Keterbukaan (O), Kehematan (C) dan Kepersetujuan (A) yang tinggi dan tahap Neurotisme (N) yang rendah (Lussier dan Achua, 2013). Selain itu, bagi faktor Motivasi Pencapaian hanya dimensi Motivasi Penyempurnaan mempengaruhi tingkahlaku sukarelawan berkesan, sebaliknya dimensi Motivasi Status dan Motivasi Perhubungan tidak mempengaruhi tingkahlaku sukarelawan yang berkesan. Kajian mendapati faktor Personaliti Ekstraversi tidak mempunyai pengaruh yang kuat dalam menentukan keberkesanan tingkahlaku sukarelawan, sebaliknya hanya faktor Personaliti seperti Keterbukaan, Kepersetujuan dan Kehematan yang tinggi dan Neurotisme yang rendah dapat mempengaruhi keberkesanan tingkahlaku sukarelawan dalam melaksanakan tugas mereka beserta faktor Motivasi Pencapaian Penyempurnaan. Sungguhpun begitu, responden kajian ini merupakan sukarelawan bagi acara sukan iaitu Temasya Kuala Lumpur 2017 dan implikasi kajian ini mungkin terhad kepada aktiviti sukarela yang melibatkan sukan atau yang seumpama dengannya. Namun begitu, kajian ini mempunyai kepentingan kepada pihak-pihak yang terlibat dalam melakukan pemilihan sukarelawan yang berkesan khususnya bagi aktiviti sukarela yang berkait dengan sukan, aktiviti fizikal mahupun khidmat masyarakat yang lain.

PENGHARGAAN

Ucapan penghargaan ditujukan kepada Kementerian Belia dan Sukan Malaysia selaku penaja dana penyelidikan Pembangunan Modul Latihan Psikologi Motivasi Sukarelawan Berkesan (SK-2017-013) serta semua responden yang telah menjayakan kajian ini.

RUJUKAN

- Azizan Bahari, 2006. Menjadi sukarelawan. Petaling Jaya: Qarya Sdn. Bhd.
Burns, D. J., Reid, S. J., Toncar, M., Fawcett, J. & Anderson, C., 2006. Motivation to volunteer: The role of Altruism. *International Review on Public and Non Profit*

- Marketing, 3(2), 79-81.
- Carpenter, J. & Myers, K.W., 2007. Why volunteer? Evidence on the role of altruism, reputation and incentive. IZA DP Institute for the Study of Labor.
- Chou, K. L., 2006. The rushton, chrisjohn and fekken self-report altruism scale. *Personality and Individual Differences*, 21:297-298.
- Clary, E. G., Snyder, M., & Stukas, 1996). *Volunteers Motivations*. *Nonprofit and Voluntary Sector Quarterly* 25: 485–505.
- Cnaan, R. A., Handy, F. Wadsworth, M., 1996. *Defining Who Is A Volunteer: Conceptual and Empirical Considerations, Nonprofit and Voluntary*. *Sector Quarterly* 3: 364–383.
- Ekerdt, D.J., 1986. The Busy Ethic: Moral Continuity Between Work and Retirement. *The Journal of Higher Gerontologist*, 3: 239-44.
- Fatimah Wati Halim, Khairul Anwar@ Johari Mastor, Ahsan Ahmad, Rohany Nasir, Fatimah Omar, Wan Shahrazad Wan Sulaiman, Nur Riza Suradi, Kaseh Abu Bakar, Dzuraidah Abd. Wahab, Norbahiah Misran, Kamisah, 2013. Manual Alat Psikometrik Pemilihan Kakitangan Akademik (APPiKA) UKM Inventori Psikometrik.
- Fauziah Ibrahim, Aizan Sofia Amin & Tharshini A/P Sivabalan, 2015. Penglibatan dan motivasi kesukarelawanan: ke arah memupuk semangat kesukarelawan dalam kalangan mahasiswa. *e-Bangi*, 10(1), 84-96.
- Finkelstein, M. A., & Brannick, M. T., 2007. Applying theories of institutional helping to informal volunteering: Motives, role identity and prosocial personality. *Social Behavior and Personality*, 35, 101-114.
- Haski-Leventhal, D., Cnaan, R., Handy, F., Brudney, J. L., Holmes, K., & Hustinx, L., 2008. Students' vocational choices and voluntary action: A 12 nation study. Vol.19(1), 1-21.
- Hutchison, S., 2003. *Group Processes and Volunteering: Enhancing Recruitment and Retention*. *Administration in Social Work* 33: 23-33.
- Kendall, J. C., & Associates., 1990. *Combining Service and Learning: A Resource Book for Community and Public Service*. National Society for Internships and Experiential Education.
- Kemp, S., 2002. Volunteers Learning in the Olympics. *Journal of European Industrial Training*, 26: 109-116.
- Knauff, D., 1992. *Predicting the Retention of University Students*. *Research in Higher Education* 10: 35-37.
- Lussier, R. & Achua, C., 2013. *Leadership: theory, application & skill development*. Ohio: Cengage Learning.
- Mabry, J.B., 1998. Pedagogical variations in service-learning and student outcomes: How time, contact and reflection matter. *Michigan Journal of Community Service Learning*, 5(1), 32-47.
- Mellor, Hayashi & Stokes, 2009. *Volunteering and Its Relationship with Personal And Neighborhood Well-Being, Nonprofit And Voluntary*. *Sector Quarterly*: 144–159.
- Musick, Marc, and John Wilson, 2008. *Volunteers: A Social Profile*. Indianapolis: Indiana University Press.
- Nichols, G, King, 1999. *Redefining the Recruitment Niche for the Guide Association In The UK*. *Leisure Sciences*. 21: 307-320.

- Podsakoff, P. M., MacKenzie, S. B., Moorman, R. H., & Fetter, R., 1990. Transformational leader behaviors and their effects on followers' trust in leader, satisfaction, and organizational citizenship behaviors. *Leadership Quarterly*, 1: 107–142.
- Podsakoff, N. P., Whiting, S. W., Podsakoff, P. M., & Blume, B. D., 2009. Individual- and organizational-level consequences of organizational citizenship behaviors: A meta-analysis. *Journal of Applied Psychology*, 94(1), 122-141. doi: 10.1037/a0013079
- Shweiki & Mauck, 1993. *Volunteering In Cross-National Perspective: Initial Comparisons*. Civil Society Working Paper 10. London: London School Of Economics, Centre For Civil Society.
- Turiman Suandi, Siti Rabaah Hamzah, Wan Mahzom Ahmad Shah, Mohd Rezal Hamzah, Azizan Bahari, Ismail Ali, Wan Ibrahim Wan Ismail, Mohd Hafizi Ismail. Determinants of student volunteering in Malaysian Public Universities. International Conference on Youth Development 2011, Palm Garden, Putrajaya. 1st-3rd November 2011.
- Zaliha Hussin & Mohd Ramlan Mohd Arshad, 2012. Altruism as motivational factors toward volunteerism among youth in Petaling Jaya, Selangor, Doi: 10.7763/IPEDR. 2012. V54. 46.

¹ Aizan Sofia Amin, ² Fatimah wati Halim, ³ Noordeyana Tambi, ⁴Norhayati Ibrahim & ⁵Sariyah Abdullah

¹²³⁵*Pusat Penyelidikan Psikologi dan Kesejahteraan Manusia*
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600, Bangi, Selangor

⁴*Pusat Pengajian Sains Jagaan Kesihatan*
Fakulti Sains Kesihatan
Universiti Kebangsaan Malaysia, Jalan Raja Muda Aziz, Wilayah Persekutuan,
50300 Kuala Lumpur

Email: aizansofia@ukm.edu.my; atisha@ukm.edu.my; deyana@ukm.edu.my;
yatieibra@ukm.edu.my; yayasariyah90@gmail.com